

TARIKH	3/1 /2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	V11	RUANGAN	Supplement

Seminar Kerjaya di **UiTM Melaka**

Oleh **Muhammad Anwar
Fahmi Abdullah**
bhvarsiti@bharian.com.my

Kira-kira 1,000 pelajar semester lima dan enam Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka mengikuti program Seminar Kerjaya anjuran Unit Kaunseling UiTM Melaka bersama dengan BH dan Kelab TaHa@U.

Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Melaka, Norazman Harun, berkata seminar itu bertepatan dengan pendekatan UiTM untuk memberi peluang bakal graduan supaya membuat persiapan awal sebelum memasuki pasaran kerja.

Beliau berkata, pelajar juga berpeluang berinteraksi dengan pegawai kanan dari pelbagai organisasi swasta dan kerajaan.

Kelebihan graduan

"Program ini menjadi satu kelebihan kepada bakal graduan UiTM terutama ketika berdepan dengan pasaran kerjaya yang kian mencabar.

"Pencapaian akademik dan kecemerlangan kepimpinan serta kokurikulum saja belum mampu memberikan merit terhadap bakal graduan untuk diambil bekerja oleh majikan.

"Pelajar perlu bersaing dengan ribuan graduan yang keluar serentak daripada institusi pengajian tinggi lain. Jadi persediaan mental, fizikal, jasmani dan kemahiran

insaniah penting," katanya ketika berucap merasmikan seminar itu, di sini, baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Unit Pemasaran Lembaga Tabung Haji Melaka, Zul Omar dan Ketua Pusat Pengajian, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Shahril Anuar Abdul Ghalim dan Ketua Biro BH Melaka, Amirullah Andi Nur.

Personaliti TV3

Pada seminar itu, pelajar tahun akhir UiTM Melaka turut berdialog dan berinteraksi dengan selebriti dan pengacara TV3, Ally Iskandar, panel temu duga BH dan Tabung Haji.

Zul berkata, pihaknya yakin dengan pendekatan usaha sama antara BH, Tabung Haji menerusi Kelab TaHa@U mampu memberi banyak manfaat kepada pelajar institusi pengajian tinggi.

Beliau berkata, pelajar hanya perlu membuka akaun dengan nilai sumbangan RM2 untuk menjadi ahli Kelab TaHa@U dan menikmati pelbagai seminar, bengkel dan pakej pembangunan modal insan.

"Sebagai ahli, pelajar diberikan potongan untuk melawat Zoo Melaka, menginap di beberapa hotel dan menaiki Melaka 'River Cruise,'" katanya.

TARIKH	3/1 /2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	V11	RUANGAN	Supplement



Pengacara TV3 Ally (kiri) berkongsi pengalaman bersama dengan pelajar UiTM Melaka.



Sebahagian daripada peserta dan urus setia yang menjayakan Karnival Kerjaya BH dan Kelab TaHa@U.